

PENDAFTARAN ONLINE

1. Bagaimana untuk memohon jawatan dalam kerajaan ?

Permohonan untuk memasuki perkhidmatan awam negeri hendaklah dibuat secara *online* di Sistem Permohonan Pekerjaan Pahang (**eSPA Pahang**).

2. Bagaimana ingin mendapatkan ID LOG Masuk bagi mengisi Pendaftaran Pekerjaan Dalam (eSPA Pahang) ?

Pemohon perlu menggunakan No.Kad Pengenalan dan mencipta kata laluan sendiri dengan klik "Daftar Akaun Baru" dan boleh merujuk manual panduan daftar akaun baru di tettingkap, <https://espa.pahang.gov.my/> (**Sistem Permohonan Pekerjaan Perkhidmatan Awam Negeri Pahang (eSPA Pahang)**).

3. Bagaimana saya ingin mengemaskini pendaftaran saya ?

Setelah calon berjaya mencipta ID dan kata laluan (selepas proses pendaftaran). Pemohon dari kategori Pegawai Sedang Berkhidmat (KPSL/PSL) boleh mengemaskini semua data permohonan pendaftaran pada bila-bila masa sahaja tanpa perlu menghubungi SPA Pahang

4. Apakah jawatan yang sesuai dengan kelulusan akademik saya ?

Maklumat mengenai kesesuaian jawatan yang dipohon dengan kelulusan akademik boleh didapati di ruangan Maklumat Jawatan (Gaji/Syarat Lantikan/Deskripsi Jawatan di dalam Portal Rasmi SPA Pahang, <http://spa.pahang.gov.my/index.php/ms/>

5. Bilakah iklan jawatan kosong disiarkan ?

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang (SPANP) menyiarkan iklan sepanjang masa di portal SPANP. Pemohon boleh menyemak maklumat dan memohon jawatan yang diminati serta sesuai dengan kelayakan yang dimiliki. Permohonan boleh dibuat pada bila-bila masa sepanjang tahun. Penerbitan iklan oleh SPANP tidak tertakluk pada bila-bila masa, mengikut kesesuaian berdasarkan keperluan urusan pengambilan jawatan tertentu.

6. Perlukah saya menghantar biodata/maklumat peribadi (*resume*) untuk memohon jawatan melalui SPANP ?

Tidak perlu. Pemohon hanya dikehendaki mengisi dengan teliti dan sempurna semua maklumat yang diperlukan dalam borang permohonan secara atas talian. Dokumen yang mengandungi maklumat calon dan dokumen lain yang berkaitan perlu dibawa pada hari temu duga.

7. Mengapa saya perlu memperbaharui pendaftaran ?

Setiap pendaftaran perlu diperbaharui dengan menggunakan ID yang telah diberikan walaupun pemohon tidak pernah dipanggil peperiksaan atau temu duga dalam tempoh satu (1) tahun. Ini membolehkan SPANP mendapatkan serta menyimpan maklumat terkini pemohon yang benar-benar berminat di dalam server data SPANP. Selain itu ia juga mengelakkan pemohon terlepas peluang untuk dipertimbangkan panggilan temuduga disebabkan tempoh sah laku pendaftaran yang telah luput selepas tempoh satu (1) tahun. Bagi pemohon KPSL/PSL dan Pegawai Sedang Berkhidmat, pembaharuan pendaftaran juga perlu dilakukan sendiri dengan mendapatkan ID terlebih dahulu di Pendaftaran Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Pahang (**eSPA Pahang**).

8. Perlukah saya selalu mengemas kini Borang Pendaftaran eSPA Pahang ?

Tuan/Puan disarankan untuk tidak terlalu kerap untuk mengemas kini borang pendaftaran eSPA Pahang, jika tiada sebarang perubahan maklumat/jawatan supaya tidak mengganggu proses tapisan yang sedang berlangsung bagi sesuatu urusan pengambilan jawatan. Tempoh yang disarankan adalah setahun sekali

9. Adakah semua institusi pengajian tinggi diiktiraf?

Tidak semua institusi pengajian tinggi (IPT), terutamanya institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), sama ada di dalam atau di luar Negara yang diiktiraf oleh Kerajaan. Oleh itu mereka yang ingin berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam perlu memastikan IPT dan program pengajian telah diiktiraf oleh Kerajaan. Semakan senarai IPT dan program pengajian boleh dibuat melalui pautan <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/>

10. Bolehkah saya memohon jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk yang lebih rendah?

Boleh berdasarkan kepada prinsip "**one step lower**" sahaja, Contoh: Jika anda memiliki kelayakan Diploma/STP/STPM/STAM/HSC anda boleh memohon jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk SPM/SPM(V)/SPMV/Sijil (bergantung kepada syarat lantikan). Demikian juga pemohon yang memiliki kelayakan ijazah sarjana muda di peringkat ijazah kepujian/am boleh memohon jawatan yang mensyaratkan kelulusan di peringkat Diploma/STP/STPM/STAM/HSC (bergantung kepada syarat skim lantikan) dengan syarat pemohon mempunyai kelayakan di peringkat Diploma/STPM/STAM/HSC berkenaan. Walau bagaimanapun, kelayakan di peringkat matrikulasi masih belum diiktiraf Kerajaan bagi maksud pelantikan dalam perkhidmatan awam.

11. Apa akan berlaku jika saya menolak tawaran jawatan?

Calon yang telah ditawarkan jawatan tetapi menolak tawaran tersebut tidak akan dikenakan apa-apa tindakan.

12. Adakah kumpulan pemohon yang diberi pertimbangan khas?

Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Asli, peserta Program Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT) / Program Kesejahteraan Rakyat (PKR) dan Penerima Bantuan dari Kerajaan yang merupakan rakyat Negeri Pahang akan diberi pertimbangan. Semasa menghadiri temu duga, pemohon ini dikehendaki membawa dokumen berkaitan bagi membuktikan kesahihan maklumat.

13. Apakah kelebihan menyertai Perkhidmatan Awam?

Di antara kelebihan/kemudahan yang diperolehi setelah menyertai perkhidmatan awam adalah seperti Elaun Perumahan, "*Cost of Living Allowance*" (COLA), Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), kenaikan gaji setiap tahun, cuti tahunan mengikut kelayakan, cuti bersalin serta pinjaman perumahan.

14. Adakah berlakunya diskriminasi di antara pelajar IPTA/IPTS?

Semua pemilihan calon akan dinilai secara adil/sama rata tidak kira sama ada calon dari IPTA/IPTS berdasarkan tapisan dan merit yang ditetapkan. Selain itu, semua calon yang melepasi tapisan akan dinilai berdasarkan prestasi semasa ditemu duga.

15. Adakah pilihan jawatan yang dipilih diberikan prioriti mengikut turutan pilihan seperti pendaftaran?

Panggilan temu duga bagi sesuatu jawatan bukanlah berdasarkan turutan pilihan jawatan semasa pendaftaran. Proses dibuat apabila berlakunya permohonan pengisian kekosongan jawatan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang. Sekiranya jawatan tersebut termasuk dalam pilihan jawatan yang dibuat, maka calon akan dipanggil temu duga.

PANGGILAN TEMUDUGA

1. Saya telah mendaftar dengan SPANP. Bilakah saya akan dipanggil temu duga?

Semua pemohon yang telah berdaftar dengan SPANP akan dipertimbangkan panggilan temu duga sekiranya:

- a) Terdapat kekosongan jawatan yang dipohon;
- b) Memenuhi syarat skim perkhidmatan jawatan yang dipohon; dan
- c) Melempi asasi tapisan dan tapisan tambahan sekiranya perlu.

Setiap pemohon boleh menyemak pendaftaran melalui pautan Semakan Status Pendaftaran di Sistem eSPA Pahang.

2. Kenapa saya tidak dipanggil temu duga?

Ada pelbagai sebab mengapa seseorang pemohon itu tidak dipanggil temu duga walaupun telah lama berdaftar dengan SPANP seperti:

- a) Tiada urusan pengambilan dijalankan disebabkan tiada laporan kekosongan jawatan dikemukakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.
- b) Permohonan yang dikemukakan oleh pemohon tidak lengkap dan tidak berjaya didaftarkan dalam **server data** SPANP;
- c) Pendaftaran pemohon telah luput tempoh sah laku pendaftaran dan pemohon tidak memperbaharainya;
- d) Pemohon tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dalam iklan atau dalam skim perkhidmatan bagi jawatan dipohon; dan
- e) Pemohon tidak melepasi asasi tapisan dan tapisan tambahan, (sekiranya perlu)

3. Apa akan berlaku jika saya tidak hadir temu duga ?

Pemohon yang tidak menghadiri panggilan temu duga tidak akan disenaraihitamkan.

4. Berapa lamakah masa yang diambil untuk dipanggil temu duga selepas proses pendaftaran di SPANP?

Tiada tempoh yang ditetapkan bagi proses di atas kerana selepas selesai proses pendaftaran, semua data permohonan akan disimpan di dalam **Server Data** SPANP. Proses tapisan hanya akan dijalankan setelah SPANP menerima laporan pengisian kekosongan jawatan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang. Pemohon yang melepasi tapisan semasa akan dipanggil SPANP bagi menghadiri ujian/ temu duga berdasarkan jawatan yang dipohon.

5. Mengapakah saya tidak berjaya dalam temu duga ?

Calon yang gagal temu duga disebabkan prestasi temu duga yang kurang memuaskan. Sebagai contoh, tidak membuat persediaan dari segi fizikal, tiada pengetahuan berkaitan jawatan yang ditemu duga, tidak membawa dokumen yang lengkap, personaliti yang tidak bersesuaian dan lain-lain kriteria yang diambil kira oleh panel temu duga. Semua panel temu duga yang dilantik mempunyai pengalaman serta lebih arif dalam perihal jawatan bagi pemilihan calon yang bersesuaian untuk dilantik dalam perkhidmatan awam.

6. Adakah proses untuk dipanggil temu duga dibuat berdasarkan tarikh pendaftaran seseorang calon atau dengan kata lain calon yang mendaftar lebih awal akan diberi peluang untuk ditemu duga terlebih dahulu ?

Semua permohonan calon yang diterima sebelum tarikh tutup akan diproses. Ini bermakna proses tapisan akan mengambil kira pendaftaran satu tahun kebelakang sehingga tarikh tutup iklan. Calon-calun yang berjaya melepasi tapisan dan kriteria yang ditetapkan Suruhanjaya akan dipanggil temu duga.

7. Saya merupakan pemegang diploma. Perlukah saya membawa diploma dan transkrip semasa menghadiri temu duga sedangkan temu duga yang saya hadiri adalah jawatan yang mensyaratkan kelulusan SPM sahaja?

Calon perlu membawa diploma dan transkrip ketika menghadiri temu duga walaupun jawatan tersebut hanya mensyaratkan kelulusan SPM sahaja kerana berdasarkan panggilan surat temu duga, calon perlu membawa semua kelayakan akademik yang telah diperolehi oleh calon tersebut.

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI PAHANG
2018**